

01/05/2002

MTMK wujud pelan atasi jurang digital

Hizral Tazzif Hisham

MAJLIS Teknologi Maklumat Kebangsaan (MTMK) menerima cadangan daripada ahlinya untuk mewujudkan rangka kerja kebangsaan bagi merapatkan jurang digital di kalangan pelbagai lapisan masyarakat di negara ini.

Bagi melaksanakan usaha berkenaan, Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri dan sekretariat MTKM akan menyelaras proses pelaksanaannya.

Cadangan juga dikemukakan untuk melaksanakan pendekatan holistik bagi melaksanakan program seperti capaian, pembangunan dan penyertaan orang ramai, dasar dan pengurusan bagi masyarakat luar bandar, masyarakat yang kurang mendapat perkhidmatan, pribumi Sabah dan Sarawak, penduduk miskin di bandar, wanita, belia, kumpulan masyarakat kurang berupaya, warga tua dan PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana).

MTMK juga mencadangkan supaya ahli majlis seramai 30 orang itu mengemukakan rancangan masing-masing dalam tempoh dua bulan bagi menangani isu berkenaan. Rancangan itu akan dikemukakan kepada jawatankuasa pelaksana yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ahli MTKM, Prof Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, berkata ia antara beberapa perkara penting diputuskan dalam mesyuarat MTKM selama lebih sejam yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Beberapa golongan dikenal pasti memerlukan perhatian dalam usaha mengurangkan jurang digital itu iaitu masyarakat desa, penduduk di Sabah dan Sarawak, golongan miskin di kota, wanita, belia, warga emas (warga tua) dan kurang upaya.

"MTMK dan EPU akan menjadi perintis dalam membina satu kerangka supaya semua boleh beroperasi dalam kerangka ini," katanya pada taklimat kepada media selepas mesyuarat lebih sejam itu di Putrajaya, minggu lalu.

Dr Sharifah Hapsah berkata, anggota MTKM berpendapat masyarakat terbahagi kepada dua, iaitu mereka yang berpeluang mencapai maklumat menggunakan kemudahan peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan yang kurang mendapat akses kerana kurangnya peluang mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber.

"Jika dibiarkan jurang digital melebar di kalangan rakyat Malaysia, mungkin masyarakat akan terpinggir dan menjejaskan daya saing ekonomi," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini memang ada inisiatif dijalankan bagi mengurangkan jurang digital tetapi tidak ada mekanisme untuk menyelaraskan semua inisiatif itu.

"Jadi EPU akan memastikan supaya teratur (usaha kurangkan jurang digital) dan tiada pertindihan," katanya.

Beliau berkata, penekanan diberikan bagi memastikan maklumat didapati dapat digunakan masyarakat secara berfaedah bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Projek teknologi, industri, dan kerajaan bagi e-revolusi atau Tiger, kini sedang dilaksanakan di Pulau Pinang dan bertujuan mempertingkatkan daya saing Malaysia dalam sektor pengeluaran elektrik dan elektronik dunia menggunakan kaedah elektronik.

Pada mesyuarat itu, majlis menerima ketetapan projek e-logistik dimulakan di Pulau Pinang dan Jabatan Kastam menjadi agensi pelaksana. Projek ini akan dibiayai melalui Skim Geran Aplikasi Penunjukcara (DAGS).

Sharifah Hapsah berkata, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) juga perlu dibabitkan dalam kemajuan ICT bagi membawanya memasuki rangkaian bekalan dunia dalam bidang elektronik dan elektrik.

Beliau berkata, dua projek perintis akan dijalankan di Pulau Pinang bagi membina pelbagai aplikasi untuk kegunaan IKS dalam ICT.

(END)